



GARIS PANDUAN PENULISAN TESIS AKADEMI PERSILATAN SEDUNIA

KATA ALUAN

Assalamualaikum wbt

Garis panduan ini dibangunkan bagi membantu pelajar pengajian siswazah Akademi Persilatan Sedunia (APS) menyediakan tesis yang memenuhi standard akademik dan format penulisan yang ditetapkan. Keperluan ini penting bagi memastikan keseragaman, kualiti serta pematuhan terhadap etika penulisan ilmiah dalam kalangan pelajar dan penyelia.

Dokumen ini menerangkan secara menyeluruh struktur tesis, format penulisan, spesifikasi teknikal, kaedah sitasi dan penyediaan rujukan berdasarkan gaya APA. Selain itu, garis panduan ini turut menghuraikan kandungan setiap bab bagi tesis akademik dan tesis Pengiktirafan Pengalaman Terdahulu (PPT/RPEL), termasuk aspek metodologi, tinjauan literatur, dapatan kajian, perbincangan serta kesimpulan.

Perbincangan dalam garis panduan ini menekankan kepentingan penyediaan tesis yang sistematik, penggunaan format yang seragam, pematuhan kepada amalan penulisan akademik yang baik serta pencegahan plagiarisme. Panduan turut menyediakan contoh borang, format dokumentasi dan kaedah penilaian yang dapat membantu pelajar mengurus proses penyelidikan dan penulisan secara lebih terancang.

Kesimpulannya, garis panduan ini berfungsi sebagai rujukan utama kepada pelajar, penyelia dan pihak akademi dalam memastikan penghasilan tesis yang berkualiti, beretika dan memenuhi standard akademik yang ditetapkan. Pelaksanaan garis panduan ini diharapkan dapat meningkatkan mutu penulisan ilmiah, memperkukuh



budaya penyelidikan serta menyumbang kepada pembangunan ilmu persilatan dan akademik secara berterusan.

Sumbangan utama dokumen ini adalah penyediaan satu format standard yang komprehensif bagi penulisan tesis APS, sekali gus mewujudkan keseragaman dalam penyediaan, penilaian dan dokumentasi hasil penyelidikan dalam bidang persilatan.

Sekian. Terima kasih



PENGENALAN

1. Tujuan garis panduan adalah untuk:
 - i. membantu pelajar pengajian siswazah untuk menulis tesis dengan mengikut format yang ditetapkan.
 - ii. menerangkan secara ringkas konsep yang perlu ada dalam penulisan esei dan tesis
 - iii. memberi panduan kepada penyelia dan Akademi sekali gus memberikan sudut pandangan yang sama berkenaan penulisan tesis.
 - iv. menyediakan template standard yang perlu digunakan oleh pelajar dalam penulisan tesis.

2. Dalam garis panduan ini, berikut adalah takrifan yang digunakan:
 - **Tesis**
Laporan kajian akademik yang dikemukakan oleh pelajar bagi memenuhi syarat keperluan program pengajian

 - **Calon/Pelajar**
Seseorang yang telah mendaftar untuk mengikuti Program di Akademi Persilatan Sedunia

 - **Penyelia**
Ahli akademik atau pakar industri yang dicadangkan oleh Jabatan Akademik dan diluluskan oleh Jabatan Akademik untuk menyelia pengajian pelajar.

 - **Tesis Lengkap**
Naskah berjilid yang telah melalui proses pembetulan dan penambahbaikan.



FORMAT TESIS

1. Setiap esei dan tesis WAJIB mengikuti format yang ditetapkan. Susun atur esei dan tesis mengandungi beberapa bahagian yang disusun mengikut urutan:
 - i. Halaman Judul
Dinomborkan dengan angka roman kecil
 - ii. Halaman Perakuan (Borang Perakuan Penyerahan Penulisan (Lampiran 1)
Dinomborkan dengan angka roman kecil
 - iii. Halaman Penghargaan*
Dinomborkan dengan angka roman kecil
 - iv. Abstrak - Abstrak Bahasa Melayu - Abstrak Bahasa Inggeris
Dinomborkan dengan angka roman kecil*
 - v. Halaman Kandungan*
Dinomborkan dengan angka roman kecil
 - vi. Halaman Senarai Jadual
Dinomborkan dengan angka roman kecil
 - vii. Halaman Senarai Rajah
Dinomborkan dengan angka roman kecil
 - viii. Halaman Senarai Singkatan/Symbol
Dinomborkan dengan angka roman kecil
 - ix. Rujukan
Nombor halaman adalah sambungan daripada halaman terakhir esei dan disertasi/tesis
 - x. Lampiran (pilihan)

* Penulisan tesis sahaja

2. Halaman Judul

Dalam halaman judul mengandungi maklumat yang disusun seperti berikut:

- i. Judul penuh esei dan disertasi/tesis
- ii. Nama penuh pelajar
- iii. Nama ijazah yang dianugerahkan
- iv. Nama akademi
- v. Tahun penyerahan



3. Perakuan Keaslian

Perakuan status tesis perlu dibuat dengan melengkapkan Borang Perakuan Keaslian Penulisan. Perakuan ini mengandungi perakuan pelajar dan penyelia dan hendaklah ditandatangani. Calon menmggunakan borang seperti di Lampiran 1

4. Pengisytiharaan Status Tesis

Perakuan status disertasi/tesis perlu dibuat dengan melengkapkan Borang Pengesahan Penyerahan Tesis. Jika tesis diklasifikasikan sebagai sulit atau terhad, perpustakaan tidak dibenarkan membuat jualan terhadap tesis berkenaan.

Sekiranya penulis mengelaskan tesis sebagai tidak terhad, pihak akademi akan menganggap tesis ini sebagai tidak terhad dan pihak APS berhak untuk menggunakannya bagi sebarang tujuan sama ada untuk percetakan atau perkara lain.

Borang ini tidak perlu diletakkan sekali dalam tesis tetapi dihantar bersama dengan tesis ke Jabstan Akademik. Calon perlu sentiasa memastikan borang yang digunakan adalah terkini.

5. Penghargaan

Penghargaan dirakamkan kepada orang perseorangan atau organisasi yang telah memberikan bantuan secara langsung atau tidak langsung dalam penyediaan disertasi/tesis. Halaman ini dihadkan kepada satu (1) muka surat. Penghargaan ditulis dalam langkauan sebaris.

6. Abstrak

Abstrak perlu mengandungi perkara-perkara berikut:

- a. Pengenalan
- b. Latar belakang
- c. Perbincangan
- d. Rumusan/Kesimpulan
- e. Sumbangan

Penulisan abstrak hendaklah menggunakan satu atau dua ayat bagi setiap perkara yang dinyatakan di atas. Abstrak hendaklah ditulis tidak melebihi 300 perkataan, dibuat dalam satu perenggan dan ditulis dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris. Bagi disertasi/tesis yang ditulis dalam Bahasa Inggeris tajuk dan terjemahan abstrak perlu diterjemah dalam Bahasa Melayu. Abstrak mesti ditulis dalam langkauan sebaris.



7. Jadual Kandungan

Halaman kandungan adalah senarai rujukan secara bertertib semua maklumat yang dalam penulisan mengikut bab dan muka suratnya.

8. Senarai Jadual

Halaman ini mengandungi senarai semua jadual yang dimuatkan dalam esei dan tesis. Maklumat jadual yang diperlukan dinyatakan adalah nombor jadual, tajuk jadual serta muka surat di mana jadual tersebut dimuatkan. Senarai jadual mestilah ditulis ikut urutan bab.

Walau bagaimanapun, jika pada keseluruhan esei dan tesis hanya mengandungi satu atau dua jadual, maka senarai Jadual tidak perlu.

9. Senarai Rajah

Semua bahan ilustrasi yang disertakan dalam teks seperti peta, carta, lukisan, graf, imej bercetak, gambar rajah dan fotograf disebut sebagai 'Rajah'. Senarai rajah ini mengandungi semua nombor rajah, tajuk rajah beserta muka surat yang dimuatkan dalam esei dan tesis. Senarai rajah mesti ditulis mengikut urutan bab.

Walau bagaimanapun, jika pada keseluruhan esei dan tesis hanya mengandungi satu atau dua rajah, maka senarai Jadual tidak perlu.

10. Senarai Singkatan

Halaman ini menyenaraikan simbol, singkatan, tatanama dan istilah yang terdapat dalam teks. Untuk mendapat keterangan lanjut berkenaan ejaan dan kata singkatan, pelajar digalakkan untuk merujuk kepada Gaya Dewan Bahasa dan Pustaka

11. Senarai Lampiran

Halaman ini menyenaraikan semua lampiran yang digunakan pelajar dalam menyempurnakan penulisan.

12. Teks

APS menetapkan dua (2) format penulisan tesis, iaitu format penulisan tesis Akademik dan format penulisan tesis Pengiktirafan Pengalaman Terdahulu (PPT) atau *Recognition of Prior Experiential Learning* (RPEL). Penulisan tesis Akademik adalah untuk calon pengamal silat yang menyertai pengajian yang berasaskan kepada kajian, manakala tesis PPT adalah kepada calon yang mempunyai pengalaman tidak kurang dari 30 tahun sebagai jurulatih silat.



TESIS AKADEMIK

- Bab I - Pengenalan
- Bab II - Tinjauan Literatur
- Bab III- Metodologi
- Bab IV- Dapatan Kajian
- Bab V - Perbincangan, Kesimpulan dan Cadangan

BAB I - PENGENALAN

a. Pendahuluan

Bahagian ini adalah pengenalan pada isu yang berkaitan dengan kajian/penyelidikan secara umum. Huraianya hendaklah memberi gambaran awal terhadap skop kajian yang dilaksanakan oleh calon.

b. Latar Belakang Kajian

Bahagian ini menghuraikan secara umum tentang kajian yang dijalankan. Pemerihalannya bahagian ini merupakan pencetus kepada gagasan kajian.

c. Pernyataan Masalah

Bahagian ini menerangkan apakah isu/masalah yang ingin dikaji dalam penyelidikan. Calon perlu menjelaskan mengapa kajian tersebut perlu dijalankan berdasarkan hujah dan bukti yang berkaitan.

d. Tujuan Kajian (jika perlu)

Menerangkan secara umum apakah tujuan kajian dilakukan.

e. Objektif Kajian

Objektif kajian seharusnya spesifik, boleh diukur, kebolehcapaian, realistik dan bersesuaian dengan tempoh kajian. Penulisan objektif perlu dalam bentuk kata kerja yang berkaitan dengan bidang dan tahap kajian masing-masing.

f. Persoalan Kajian

Bahagian ini mengandungi soalan yang hendak dijawab dalam kajian. Soalan kajian biasanya dibina berdasarkan objektif kajian dan perlu mempunyai kaitan dengan pernyataan masalah.

g. Hipotesis Kajian (jika perlu)

Bahagian ini menyatakan jangkaan awal pengkaji tentang hasil kajian dan antara sifat penting hipotesis adalah dapat menunjukkan hubungan kait antara pemboleh ubah-pemboleh ubah dalam kajian, spesifik, jelas dan boleh diukur.

h. Kerangka Konseptual Kajian dan/atau Kerangka Teori Kajian (jika perlu)

Menjelaskan aspek berkaitan teori dan/atau konsep yang mendasari kajian daripada sumber-sumber yang berwibawa daripada sarjana/pakar/ penyelidik



dalam bidang. Sekiranya perlu kekerangka ini boleh dipersembahkan dalam bentuk gambar rajah.

i. Definisi Operasional

Definisi operasional / definisi istilah menjelaskan konsep-konsep utama dalam konteks kajian

j. Batasan Kajian

Bahagian ini menerangkan skop dan had kajian

k. Kepentingan Kajian

Bahagian ini memperincikan secara jelas impak kajian dan menjelaskan apakah faedah-faedah daripada hasil kajian kepada organisasi, masyarakat, negara, agensi berkaitan dan perkembangan ilmu dalam bidang yang dikaji.

l. Rumusan Bab (jika perlu)

Bahagian ini, merumuskan konsep, prinsip, idea dan gagasan yang terdapat di dalam bab.

BAB II - TINJAUAN LITERATUR

Tinjauan literatur merupakan penulisan yang kritikal dan analitikal tentang penulisan ilmiah yang telah diterbitkan oleh sarjana dan penyelidik tentang topik yang dikaji. Tujuannya adalah untuk menyampaikan kepada pembaca apakah teori, konsep dan hujah-hujah yang telah digunakan dalam merangka penyelidikan serta membincangkan kekuatan dan kelemahan kajian yang telah dijalankan berkaitan tajuk dan skop kajian ini.

Tinjauan literatur perlu berkisar kepada soalan kajian yang dibentuk. Bahagian ini bukan setakat menyenaraikan bahan-bahan yang diperolehi atau satu himpunan rumusan kajian terdahulu semata-mata. Sebaliknya calon perlu menunjukkan sintesis keputusan dalam bentuk rumusan tentang penyelidikan yang telah diketahui atau tidak diketahui, mengenal pasti kontroversi dalam bidang yang dikaji, dan seterusnya membentuk soalan-soalan kajian yang memerlukan penyelidikan selanjutnya.

Hasil tinjauan literatur ini boleh digunakan untuk membantu membentuk rasional kajian, mengenal pasti pembolehubah, serta memilih metodologi kajian yang bersesuaian. Ia juga boleh dikaitkan dengan hasil kajian dalam bahagian perbincangan dapatan. Dicadangkan penulisan bahagian ini terdiri daripada tiga (3) bahagian iaitu:

a. Pendahuluan

Mengenal pasti topik umum, isu, atau bidang yang menjadi tumpuan, seterusnya menyediakan konteks yang sesuai untuk tinjauan literatur.



Memperlihatkan trend keseluruhan; atau percanggahan dalam teori, metodologi, bukti, dan kesimpulan; atau jurang dalam penyelidikan dan bidang tersebut; atau satu masalah/ perspektif baharu yang menarik minat penyelidik.

Mengemukakan alasan tentang perlunya membuat tinjauan literatur; menjelaskan kriteria yang digunakan dalam membuat analisis, perbandingan dan menyusun bahan-bahan daripada literatur, dan jika perlu nyatakan mengapa literatur tertentu tidak dimasukkan (skop).

b. Utama (Badan)

Mengumpulkan bahan literatur (penyelidikan, reviews, artikel teoritikal, kajian kes dan sebagainya) berdasarkan kategori/tema yang sama seperti pendekatan kualitatif lawan pendekatan kuantitatif; rumusan penulis; tujuan atau objektif; kronologi dan sebagainya.

Meringkaskan penyelidikan atau artikel selaras dengan kepentingan bahan rujukan berkenaan dalam literatur. - Mengutarakan idea-idea utama di awal perenggan di bahagian lain yang strategik bagi membantu pembaca memahami perbandingan serta analisis yang dikemukakan.

c. Rumusan

Merumuskan sumbangan utama kajian berkaitan dan bahan yang dirujuk terhadap bidang kajian yang hendak dikaji. Calon perlu fokus kepada persoalan yang dibentuk dalam pengenalan.

Menilai trend terkini bidang ilmu yang hendak dikaji. Calon perlu mengutarakan perkembangan metodologi utama kajian yang dirujuk, menunjukkan jurang yang wujud dalam kajian, teori dan dapatan yang tidak konsisten dan bidang atau isu yang berkaitan dengan kajian yang hendak dikaji. - Membuat kesimpulan dengan menunjukkan perkaitan antara topik utama dalam literatur dengan bidang yang hendak dikaji.

Sekiranya perlu kerangka ini boleh dipersembahkan dalam bentuk gambar rajah

BAB III - METODOLOGI

Bahagian ini berbeza antara satu disertasi/tesis dengan disertasi/tesis yang lain bergantung kepada bidang disiplin ilmu yang dikaji dan ia mungkin tidak ada dalam disertasi/tesis yang berbentuk teoritikal. Bahagian ini mengandungi penerangan dan justifikasi terhadap material, pendekatan teoritikal, reka bentuk eksperimen dan kaedah (termasuk analisis statistik) yang digunakan bagi mencapai objektif penyelidikan.

Material dan kaedah yang digunakan dalam penyelidikan perlu diterangkan dengan mendalam dan tepat. Rujukan bagi kaedah dan prosedur yang digunakan perlu dinyatakan. Di bawah adalah contoh penulisan bab metodologi bagi penyelidikan sains sosial. Contoh penulisan bab metodologi di bawah boleh diubahsuai mengikut kesesuaian bidang penyelidikan yang dikaji seperti Sistem Maklumat, Kejuruteraan, Sains Sukan, Sains dan sebagainya.



a. Pengenalan

Pengenalan dalam bab metodologi seharusnya membincangkan apa yang ada dalam bab tersebut secara ringkas. Contohnya, bahagian satu memperihalkan tentang reka bentuk kajian, bahagian dua menjelaskan tentang populasi dan sampel dan sebagainya. Sebaiknya, kaedah yang digunakan ditulis mengikut susunan objektif kajian yang ditetapkan dalam bab pertama.

b. Pendekatan kajian

Dalam pendekatan kajian, sesebuah disertasi atau tesis seharusnya mengandungi maklumat berikut:

Pendekatan kajian, contohnya penyelidikan kualitatif atau kuantitatif. Kaedah Campuran (Mixed-Method), Design and Development Research (DDR), Design based Research (DBR) dan Action Research.

Reka Bentuk/Jenis sama ada eksperimen, kajian kes, tinjauan, kajian tindakan, teori asas/terpendam (grounded theory), etnografi, analisis teks dan sebagainya.

Kaedah pengumpulan data sama ada satu keadah, kaedah campuran atau pelbagai keadah.

Pengumpulan data bersifat semasa atau jangka masa panjang.

i. Populasi dan sampel/peserta/ subjek/kes

Siapa yang menjadi/dipilih sebagai populasi yang ingin digeneralisasikan oleh kajian.

Pemilihan sampel daripada populasi.

Bagaimana memilih sampel – rawak atau bukan rawak, pemilihan melalui kajian lapangan.

Bagaimana peserta atau kes dipilih, mengapa menggunakan peserta atau kes tersebut dalam kajian ini.

Mengapa cara tersebut digunakan.

Berapa ramai/banyak subjek/peserta/kes yang terlibat dalam kajian. Instrumen

Kaedah pembangunan / pengambilan dan pengubahsuaian instrumen

Proses kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang dilalui

1. Kesahan muka dan kandungan
2. Kebolehpercayaan
3. Proses penterjemahan - Instrumen ialah alat pengukuran untuk mendapatkan/mengumpul data. - Data merupakan maklumat yang diperlukan oleh penyelidik untuk menjawab soalan kajian.

Instrumentasi merupakan gabungan di antara instrumen dan prosedur mengumpul data.



Instrumen yang dibina sendiri mestilah melalui atau mesti ada pertimbangan dari segi kesahan, kebolehpercayaan, objektiviti (merujuk kepada penilaian secara subjektif), kebolegunaan (usability). - Instrumen yang diadaptasi atau menggunakan instrumen sedia ada perlu melalui :

1. Proses pembudayaan, contohnya instrumen yang diambil dari luar negara perlu disesuaikan dengan sosio budaya tempatan.
2. Proses penterjemahan perlu melalui kesahan muka (pengesahan pakar bahasa dan pakar kandungan) dan terjemahan back to back.

i. Prosedur mengumpul data.

Bagaimana data dikumpulkan, contohnya pengendalian soal selidik, mengumpul data di lapangan, proses temu bual dan pemerhatian.

ii. Kajian Rintis (jika berkaitan)

Tujuan kajian rintis – kenapa pilih sampel tersebut, kesahan dan kebolehpercayaan.

Bila, di mana dan siapa yang terlibat dalam pelaksanaan kajian rintis.

Keputusan kajian rintis – nilai kesahan, kebolehpercayaan dan maklumat lain (jika ada).

Item yang digugurkan, ditambah atau perlu diubah suai (jika ada).

Adakah analisis normaliti dilaksanakan dan apakah hasilnya.

iii. Prosedur Pengumpulan Data

Penerangan mengenai prosedur dan langkah-langkah pengumpulan data kajian.

iv. Kaedah/Teknik Menganalisis Data

Penerangan mengenai prosedur dan langkah-langkah menganalisis data mengikut keperluan objektif kajian/ menjawab persoalan kajian/ menguji hipotesis kajian.

Adakah analisis data eksploratori (Exploratory Data Analysis (EDA) (Contohnya normaliti) dilaksanakan dan apakah hasilnya Pengekodan /Senarai semak.

v. Perisian statistik yang bersesuaian (jika ada).

vi. Rumusan

Merumus apa yang ditulis/dibincangkan dalam bab ini.

BAB IV - DAPATAN KAJIAN

Mempersembah dan menginterpretasikan data yang dikumpul untuk menjawab persoalan kajian untuk menjawab persoalan kajian, menunjukkan hasil analisa dan membandi9ngkannya dengan kajian lepas untuk mengesahkan atau menolak



hipotesis bertujuan untuk menjelaskan penemuan penting bagi mencapai objektif kajian.

Biasanya bab ini memerlukan pengenalan ringkas tentang isi bab, persembahan data (jadual/grafik), Analisa dan perbincangan tentang makna penemuan serta langkah-langkah pembersihan data.

BAB V - PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Bab ini perlu merumuskan secara ringkas dapatan kajian. Seterusnya, bab ini juga membincangkan dapatan kajian dengan mengaitkan teori-teori dan kajian lepas yang dibincangkan dalam bab literatur. Sebaiknya, perbincangan dapatan kajian ditulis mengikut susunan objektif atau persoalan kajian. Dapatan kajian ini perlu dibincangkan secara kritikal bagi melambangkan kesarjanaan sesuatu kajian yang dijalankan.

Penemuan kajian disimpulkan selari dengan persoalan kajian. Kajian juga boleh mencadangkan sesuatu inovasi atau idea baharu berdasarkan dapatan kajian. Signifikan kajian dan implikasi terhadap bidang kajian perlu dinyatakan. Cadangan kajian untuk masa hadapan juga perlu dimasukkan dalam bab ini



TESIS PPT/RPEL

1. PENDAHULUAN

Tesis Pengiktirafan Pengalaman Terdahulu (PPT/RPEL) merupakan satu bentuk dokumentasi akademik yang membolehkan individu yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang persilatan membuktikan kompetensi, pengetahuan, kemahiran dan sumbangan mereka secara sistematik bagi tujuan penilaian akademik.

Selain memberikan pengiktirafan kepada guru-guru silat yang telah menyumbang dalam meneruskan, memelihara dan mengembangkan ajaran perguruan masing-masing, tesis ini bertujuan menghimpunkan maklumat berkaitan sejarah, perkembangan, amalan, pengurusan dan cabaran perguruan silat melalui sumber primer dan pengalaman sebenar pengamal.

Melalui penulisan tesis ini, aktivis persilatan diberikan ruang untuk mendokumentasikan pengalaman profesional, mengemukakan pandangan terhadap isu-isu yang mempengaruhi perkembangan silat serta mencadangkan strategi pembangunan yang dapat memperkukuhkan peranan silat sebagai warisan budaya, sistem pendidikan insan dan medium pembangunan masyarakat.

2. OBJEKTIF TESIS PPT/RPEL

Tesis ini bertujuan untuk:

1. Mendokumentasikan pengalaman dan kompetensi calon dalam bidang persilatan.
2. Merakamkan sejarah, sanad ilmu dan perkembangan perguruan silat.
3. Mengenal pasti isu dan cabaran yang mempengaruhi perkembangan persilatan.
4. Mengemukakan cadangan penambahbaikan bagi memperkukuh penyebaran dan kelestarian silat.
5. Menjelaskan sumbangan persilatan kepada pembangunan individu, masyarakat, negara dan ummah.
6. HASIL PEMBELAJARAN

Setelah menyiapkan tesis ini, calon berupaya:

1. Menghubungkan pengalaman persilatan dengan teori dan amalan semasa.
2. Menilai secara kritis perkembangan serta cabaran perguruan silat.
3. Menganalisis isu yang mempengaruhi pembangunan persilatan.
4. Mencadangkan strategi pembangunan yang relevan dan berkesan.
5. Membuktikan kompetensi profesional melalui dokumentasi pengalaman dan bukti sokongan.
6. STRUKUR TESIS

BAB I - PENGENALAN

Bab ini merupakan portfolio calon yang mengandungi:

4.1 Halaman Hadapan

- Nama calon
- Tajuk tesis



4.2 Pengenalan

- Latar belakang
- Objektif kajian

4.3 Refleksi Profesional

Refleksi Profesional merupakan huraian pengalaman, pencapaian dan perkembangan kompetensi calon sepanjang penglibatan dalam bidang persilatan.

Kriteria Penilaian:

1. Tempoh dan tahap penglibatan.
2. Peranan dalam persilatan.
3. Pencapaian dan sumbangan.
4. Cabaran serta penyelesaian.
5. Pembelajaran yang diperoleh.
6. Perancangan masa hadapan.

4.4 Naratif Pengalaman

Naratif pengalaman hendaklah ditulis secara kronologi dan sistematik.

Kandungan:

1. Latar belakang penglibatan.
2. Sejarah pembelajaran.
3. Pengalaman mengajar dan melatih.
4. Pengalaman pengurusan organisasi.
5. Penyertaan program dan pertandingan.
6. Kerjasama dengan pelbagai institusi.
7. Pengembangan silat di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

4.5 Bukti Sokongan

- Sijil
- Surat penghargaan
- Modul latihan
- Laporan program
- Gambar aktiviti
- Keratan akhbar
- Dokumen rasmi

4.6 Penilaian Kendiri

Skala:

- 1 = Sangat Lemah
- 2 = Lemah
- 3 = Sederhana
- 4 = Baik
- 5 = Cemerlang

Aspek Penilaian:

- Penguasaan ilmu persilatan
- Kemahiran pengajaran
- Kepimpinan
- Pengurusan program
- Etika dan sahsiah



- Sumbangan kepada masyarakat
- Penyelesaian masalah
- Pembangunan perguruan

Calon hendaklah memberikan justifikasi bagi setiap skor.

BAB II - TINJAUAN LITERATUR*

Bab ini membincangkan:

1. Sejarah perguruan silat.
2. Sanad ilmu dan nasab perguruan.
3. Struktur pembelajaran dan kurikulum.
4. Adat istiadat perguruan.
5. Struktur organisasi dan pengurusan.
6. Perkembangan semasa perguruan.

Perkembangan semasa hendaklah merangkumi:

- Masyarakat awam
- Institusi pendidikan
- Pusat latihan penguat kuasa
- Peringkat antarabangsa

BAB III - PERBINCANGAN

Bab ini membincangkan isu dan cabaran yang mempengaruhi perkembangan persilatan.

Antara aspek yang boleh dibincangkan:

- Sambutan masyarakat
- Pengurusan organisasi
- Isu amalan dan ajaran
- Regenerasi guru dan pelapis
- Pendigitalan dan promosi

Data boleh diperoleh melalui:

- Pemerhatian
- Temu bual
- Soal selidik
- Analisis dokumen

BAB IV : CADANGAN

Bab ini mengemukakan cadangan dan strategi pembangunan berdasarkan dapatan Bab III.

Antara aspek yang boleh dicadangkan:

- Penambahbaikan sistem latihan
- Pembangunan kurikulum



- Penguatan organisasi
- Kerjasama institusi
- Pendigitalan persilatan
- Pengantarabangsaan silat

BAB V : KESIMPULAN DAN SUMBANGAN

Bab ini merumuskan dapatan kajian dan menjelaskan sumbangan calon.

A. Sumbangan kepada Individu

- Disiplin diri
- Sahsiah
- Kepimpinan
- Jati diri

B. Sumbangan kepada Masyarakat

- Program kemasyarakatan
- Pembangunan belia
- Pemeliharaan warisan budaya
- Perpaduan masyarakat

C. Sumbangan kepada Negara

- Warisan kebangsaan
- Modal insan
- Keselamatan negara
- Promosi budaya Malaysia

D. Sumbangan kepada Ummah dan Kemanusiaan

- Penyebaran nilai murni
- Pembentukan akhlak
- Persaudaraan sejagat
- Kesejahteraan masyarakat

Semua sumbangan hendaklah disokong dengan bukti yang relevan.



Rujukan dalam teks

Semua maklumat dan idea yang dipetik daripada sesuatu sumber hendaklah dicatatkan dalam teks.

Jadual dalam teks

Semua jadual diberikan nombor dan hendaklah merujuk kepada bab. Setiap tajuk jadual ditulis sebelah kiri dilangkau sebaris. Nama jadual ditulis atas jadual dan ditulis menggunakan huruf Arial bersaiz 12 tanpa noktah di hujung dan tulis pada sebelah kiri serta ditulis.

Sekiranya jadual diambil daripada sumber tertentu, sumber berkenaan perlu dinyatakan di hujung jadual. Bagaimanapun dalam penulisan, jadual hanya boleh diletakkan selepas dirujuk dalam teks. Sila rujuk panduan gaya APA terkini dan hendaklah konsisten dalam penulisan keseluruhan disertasi/tesis.

Rajah dalam teks

Semua rajah diberikan nombor menggunakan angka arah. Nombor rajah hendaklah merujuk kepada babnya. Setiap tajuk rajah ditulis pada sebelah kiri atas rajah diikuti tajuk rajah. Tajuk ditulis dengan menggunakan huruf Arial bersaiz 12 tanpa noktah di hujung dan tulis pada sebelah kiri.

Sekiranya rajah dipetik daripada sumber tertentu, sumber berkenaan perlu dinyatakan di hujung bahagian bawah rajah. Bagaimanapun dalam penulisan, jadual hanya boleh diletakkan selepas dirujuk dalam teks. Sila rujuk panduan gaya APA terkini dan hendaklah konsisten dalam penulisan keseluruhan esei dan tesis.

Senarai Rujukan

Esei dan disertasi/tesis hanya menggunakan senarai rujukan dan bukan senarai bibliografi. Senarai ini perlu dilampirkan di bahagian akhir disertasi/tesis, sebelum bahagian Lampiran. Calon tidak boleh mencampur-adukkan stail penulisan rujukan dan perlu konsisten. Sila rujuk panduan gaya APA terkini dan hendaklah konsisten dalam penulisan keseluruhan disertasi/tesis.



SPESIFIKASI TEKNIKAL

1. Tajuk Esei dan Disertasi/Tesis
Tajuk disertasi/tesis hendaklah pendek dan dapat menyampaikan maksud atau tujuan penyelidikan. Panjang tajuk tidak boleh melebihi 15 patah perkataan.
2. Panjang Esei dan Disertasi/Tesis
Panjang esei dan disertasi/tesis adalah bergantung kepada program pengajian yang diikuti. Namun demikian, panduan berikut boleh diikuti:
 - Doktor Falsafah – 15,000 perkataan
 - Sarjana – 10,000 perkataan
 - Sarjana Muda – 2,500 perkataan
 - Diploma – 1,500 perkataan
 - Sijil – 1,000 perkataan

Nota: Tertakluk pada perakuan Jabatan Akademik, penyelia dan pakar bidang.
3. Reka Letak Halaman
Halaman teks di dalam esei dan disertasi/tesis hendaklah dipersembahkan dalam bentuk potret (portrait). Reka letak halaman berbentuk landskap (landscape) boleh digunakan untuk mempersembahkan rajah dan jadual.
4. Jenis Kertas
Hanya kertas putih saiz A4 (210 × 297 mm) yang berkualiti baik seperti kertas jenis simili berjisim 80g atau yang mempunyai kualiti yang hampir sama sahaja boleh digunakan untuk penyediaan naskhah akhir disertasi/tesis.
5. Jenis dan Saiz Teks
Huruf dalam teks hendaklah menggunakan jenis muka taip yang sama. Jenis muka taip yang sesuai digunakan ialah Arial bersaiz 12.
6. Birai
Birai sebelah atas : 2.921 sm @ 1.15 inci
Birai sebelah bawah : 2.54 sm @ 1 inci
Birai sebelah kiri : 3.81 sm @ 1.5 inci
Birai sebelah kanan : 2.54 sm @ 1 inci
7. Santak dan Langkauan
Teks perlu ditaip santak kiri kanan (justify). Bagi perenggan kedua dan seterusnya, baris pertama setiap perenggan perlu disantak sebanyak 1.27 sm @ 0.5 inci dari birai sebelah kiri.



8. Muka Surat
Esei dan disertasi/tesis perlu dicetak pada satu halaman muka surat sahaja pada setiap helaian kertas. Kesemua halaman perlu dinomborkan secara berturut.

9. Penomboran Bab dan Subseksyen
Kesemua bab dan subseksyen mesti dilabel dan dinomborkan.
 - 9.1 Aras kedua (Tajuk subseksyen)
 - 9.1.1 Aras ketiga (Tajuk subseksyen subseksyen)
 - 9.1.1.1 Aras keempat (Tajuk subseksyen subseksyen subseksyen)

10. Penjilidan
 - 10.1 Naskhah untuk Pemeriksaan
Tiga (3) salinan disertasi/tesis untuk pelajar program Sarjana dan Doktor Falsafah yang dijilid dengan kulit lembut mestilah diserahkan bersama borang penyerahan tesis yang dilengkapkan.

 - 10.2 Naskhah Terakhir untuk Akademi
Sebelum menyediakan salinan berjilid keras sebagai naskhah akhir tesis, pelajar perlu memastikan semua keperluan telah dipenuhi.

 - 10.3 Warna Kulit dan Warna Huruf (Sarjana/Doktor Falsafah)
Tesis perlu dijilid dengan kulit keras mengikut warna yang ditetapkan dan menggunakan huruf berwarna emas.

 - 10.4 Kulit Luar Tesis
Keterangan pada kulit luar mesti dicetak menggunakan huruf besar berwarna emas dan mengandungi:
 - i. Tajuk tesis
 - ii. Nama pelajar
 - iii. Nama akademi
 - iv. Tahun penyerahan tesis

 - 10.5 Tulang Tesis
Keterangan pada tulang tesis hendaklah mengandungi:
 - i. Nama pelajar
 - ii. Nama program pengajian
 - iii. Singkatan nama akademi
 - iv. Tahun penyerahan tesis

 - 10.6 Pengemasan (Trimming)
Pengemasan disertasi/tesis tidak boleh melibatkan lebih daripada 2.5 mm bagi setiap sisi kertas A4 sewaktu penjilidan dilakukan.



10.7 Salinan Lembut (Softcopy)

Pelajar perlu menyediakan salinan lembut (softcopy) dalam format PDF untuk dihantar bersama naskhah tesis berjilid.



KONVENSYEN PENULISAN

1. Unit Ukuran

Penggunaan unit ukuran piawai iaitu Sistem Unit Antarabangsa (SI) dan singkatannya adalah digalakkan. Contoh yang lazim digunakan adalah seperti berikut:

- 2 liter (2 L)
- 10 mililiter (10 mL)
- 15 kilogram (15 kg)
- 7 gram (7 g)
- 9 kilometer (9 km)
- 5 hektar (5 ha)
- 25 tan (25 t)
- 135 bahagian per juta (135 ppm)
- 50 Dolar Australia (AUD50)
- 2.7 tan metrik/hektar (2.7 t/ha)

Terdapat ruang kosong antara angka dan unit. Penulisan angka yang diikuti unit ukuran tidak boleh dieja, contohnya 2 L dan bukannya “dua L”, kecuali pada permulaan ayat atau bagi angka satu (1).

2. Penggunaan Angka

Semua angka kurang daripada sepuluh hendaklah dieja kecuali yang mempunyai unit ukuran (contohnya 7 g, 10 mL). Ayat yang bermula dengan angka hendaklah ditulis dalam bentuk perkataan.

Contoh:

“Lima puluh responden telah ditemu bual” dan bukannya “50 responden telah ditemu bual”.

Sebagai alternatif, angka boleh digunakan dalam bentuk senarai seperti berikut:

- i. Kelas mempunyai 1 meja guru, 25 meja murid, 4 kipas dan 1 papan putih.
- ii. Enrolmen murid ialah 125, 180 dan 225 orang.

3. Penggunaan Simbol Peratus

Simbol % atau perkataan “peratus” boleh digunakan tanpa ruang antara angka dan simbol, contohnya 10.5%. Jika menggunakan perkataan “peratus”, penggunaannya hendaklah konsisten sepanjang penulisan tesis.



Singkatan Prts atau Pct boleh digunakan dalam tajuk lajur jadual bagi mewakili peratus.

4. Petikan Dalam Teks

Petikan dalam teks sama ada secara langsung atau tidak langsung perlu diberi pengiktirafan (acknowledgement) bagi mengelakkan plagiat.

Nama pengarang biasanya ditulis menggunakan nama keluarga. Contohnya, Allen Luke ditulis sebagai Luke dalam teks.

Bagi penulis Cina, nama keluarga atau nama pertama digunakan. Bagi penulis Melayu pula, boleh digunakan nama penuh atau nama pertama yang berada di hadapan.

Semua petikan dalam teks hendaklah disenaraikan dalam bahagian rujukan.

5. Petikan Secara Langsung

5.1 Petikan kurang daripada tiga baris

Petikan hendaklah diletakkan dalam tanda petik.

Contoh:

Menurut Veldsman (2002, p. 21), perubahan organisasi melibatkan perbezaan keadaan “in time or in space”.

5.2 Petikan dalam ayat lengkap

Contoh:

Veldsman (2002) mentakrifkan perubahan organisasi sebagai “The difference in the state of an organization at two separate locations in time or in space” (p. 21).

5.3 Tanpa nama pengarang dalam ayat

Contoh:

Perubahan organisasi ditakrifkan sebagai perbezaan dalam “state of an organization at two separate locations in time or in space” (Veldsman, 2002, p. 21).

5.4 Petikan panjang (melebihi tiga baris)

Petikan hendaklah diinden di sebelah kiri tanpa tanda petik.



Contoh:

The typical educational reform movements in Malaysia have almost exclusively been initiated by the Ministry of Education and passed down through the ranks. Teachers in schools are seen as implementers of reform without contributing to policy formation (Hallinger, 2011, p. 14).

6. **Petikan Secara Tidak Langsung**

Petikan tidak langsung melibatkan penggunaan idea penulis tanpa menyalin ayat asal. Hanya nama pengarang dan tahun perlu dinyatakan.

Contoh:

Veldsman (2002) menjelaskan bahawa perubahan organisasi melibatkan perbezaan pada dua keadaan yang berbeza.

7. **Rujukan Pelbagai Sumber**

Jika melibatkan beberapa pengarang, rujukan hendaklah disusun mengikut tahun dan dipisahkan dengan tanda koma bernoktah (;).

Contoh:

Perubahan organisasi yang berkesan memerlukan kepimpinan yang kompeten (Oplatka, 2003; Lakomski, 2001; Clarke, 2000; Hallinger & Leithwood, 1996).



RUJUKAN

1. Prinsip Umum

Semua sumber yang dipetik dalam teks sama ada secara langsung atau tidak langsung hendaklah disenaraikan dalam bahagian rujukan. Bahagian rujukan hendaklah bermula pada halaman baharu dengan tajuk **RUJUKAN** (huruf besar) dan ditulis mengikut gaya APA Edisi Ke-6.

2. Format Penulisan Rujukan

2.1 Seorang Pengarang

Al-Attas, S. M. N. (1980). *The concept of education in Islam*. Kuala Lumpur: ABIM.

2.2 Dua Pengarang

Crene, P., & Lea, M. R. (2003). *Writing at university* (2nd ed.). Maiden: Open University Press.

2.3 Tiga hingga Enam Pengarang

Kernis, M. H., Cornell, D. P., Sun, C. R., Berry, A., White, A., & Harlow, T. (1993). *Journal of Personality and Social Psychology*, 65, 1190–1204.

2.4 Lebih daripada Enam Pengarang

Harris, M., Keraper, E., Stacks, G., Hoffman, D., DeNiro, R., Cruz, P., et al. (2001). *Journal of Film and Writing*, 44(3), 213–245.

2.5 Pengarang Melayu

Asmah Omar. (1991). *Kemahiran berbahasa*. Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Antara.

2.6 Pengarang Cina

Chu, C. N. (1995). *Chemical Engineering Journal*, 56, 59–65.

2.7 Pengarang dengan Nama Inggeris

Foo, V. H. K. (1983). *Sarawak: Mini episodes of the past*. Selangor: Fajar Bakti.

2.8 Pengarang India/Sikh

Narrayani Jeganathan. (2009).



2.9 Nama Gelaran

Gelaran seperti Datuk, Tan Sri, Tun, Prof., Dr. hendaklah digugurkan.

Contoh:

Mahathir Mohamad

2.10 Agensi atau Institusi

Kementerian Pelajaran Malaysia. (2006). *Kurikulum bersepadu sekolah rendah: Spesifikasi kurikulum Tahun 6*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.

2.11 Organisasi

American Psychological Association. (2003).



PLAGIARISME

Plagiarisme merupakan penggunaan idea, hasil kerja atau data yang diambil daripada orang lain yang diletakkan di dalam teks utama disertasi/tesis tanpa memberikan penghargaan kepada penulis asal tersebut dan menggunakan maklumat tersebut seolah-olah kepunyaan calon sendiri. Hasil kerja tersebut termasuk :

- i. Perkataan atau idea daripada bahan bercetak seperti artikel jurnal, artikel majalah, buku-buku, surat khabar, laman web, program komputer, dan lain-lain.
- ii. Rajah, jadual, gambar rajah, ilustrasi, carta, peta, gambar atau bahan visual yang lain
- iii. Maklumat temu bual dan sebagainya. Calon boleh dianggap memplagiat sekiranya calon: i. Menyalin secara terus ayat atau perenggan dari sumber rujukan yang diperoleh seolah-olah hasil tersebut merupakan hasil pelajar itu sendiri
- iv. Menggunakan ayat yang asli daripada sumber tanpa menggunakan tanda pengikat kata (“”) atau santak (indent), walaupun sumber tersebut diakui.
- v. Memparafrasa tanpa pengakuan/perakuan.

Plagiarisme merupakan satu jenayah yang sangat serius di dalam dunia akademia dan ianya tidak diterima langsung oleh para sarjana akademik. Oleh itu, jika disertasi/tesis calon didapati mempunyai unsur plagiat, disertasi/tesis tersebut dianggap GAGAL dan calon terbabit akan ditamatkan pengajian. Calon adalah dinasihatkan agar sentiasa merujuk kepada penulis asal jika menggunakan idea atau perkataan daripada hasil kerja penulis atau orang lain untuk mengelakkan daripada melakukan plagiarisme.

Kaedah bagi mengelakkan plagiarisme adalah dengan memastikan bahawa kredit yang sepatutnya diberikan ketika menggunakan hasil kerja penulis lain. Calon perlu melakukan perkara ini walaupun sumber yang asal telah diolah semula atau diringkaskan. Apabila memetik kenyataan yang disiarkan atau secara lisan, ia mestilah sama dengan yang asal dan perlu didedikasikan kepada penulis asal.



Lampiran 1

BORANG PENYERAHAN TESIS APS

APS THESIS SUBMISSION FORM

Arahan kepada pelajar

1. Pastikan borang ini telah dilengkapkan sepenuhnya sebelum diserahkan kepada Fakulti. Borang yang tidak lengkap tidak akan diproses.
2. Permohonan yang lengkap perlu dibuat dalam tiga (3) salinan.
3. Sila serahkan bersama lima (5) salinan tesis dan laporan ketulenan.
4. Sila lampirkan resit Bayaran Pemeriksaan Tesis.
5. Tesis hanya diterima setelah Penyelia menyerahkan cadangan pemeriksa ke Fakulti.

Instructions to candidate:

1. *Ensure that the information needed in the form is complete before submission to the Faculty. Incomplete form will not be processed.*
2. *Completed form must be made in three (3) copies.*
3. *Please submit together with five (5) soft-bound copies of your thesis and originality report.*
4. *Please attach receipt of Thesis Examination Fees.*
5. *Thesis can only be accepted once the names of suggested examiners from supervisor has been sent to Faculty.*

BAHAGIAN I

(Diisi oleh pelajar dengan menggunakan HURUF BESAR) *To be filled by student in CAPITAL LETTERS*)

Nama Name

No. K.P I.C No/Passport No.

Kad Pelajar Student ID No

Nama Pengajian Name of study

Alamat Surat-Menyurat Mailing address

Tel HP Mobile Phone

E-mail



BAHAGIAN II

Nyatakan Badan Tajaan (jika ada) - *Sponsoring Body (if any)*:

(Sila lampirkan sesalinan Surat Tawaran Tajaan) - *(Please attach a copy of sponsor's offer letter)*

Tajuk Tesis (*Thesis Title*):

Jumlah patah perkataan (*Total of Word Count*)

.....

Tandatangan Pelajar (*Student's Signature*)

Tarikh (*Date*)

BAHAGIAN III

(Pelajar dikehendaki mendapatkan pengesahan daripada pihak berkenaan) - *Student is required to get endorsement from the following parties*

A Ulasan oleh Penyelia Utama (*Statement by Main Supervisor*)

Saya telah meneliti dan mengesahkan tesis pelajar telah melalui proses saringan plagiat dengan (*I have reviewed the thesis above and confirm that the thesis has been screened for plagiarism with*):

Index kesamaan (*Similarity index*) %

Jumlah perkataan (*Total word count*)

Saya mengesahkan bahawa tesis ini telah mematuhi Peraturan Pengajian garis panduan format tesis APS. (*I confirm the thesis has abide by the Regulations and the guideline on thesis aps format*)

.....

Tandatangan Penyelia *Signature of Supervisor*

Tarikh (*Date*)



B Disahkan oleh Ketua Jabatan Akademik (*Endorsed by Head of Akademic Departmen*)

Penerimaan lengkap cadangan pemeriksa daripada penyelia (*Date receive names of suggested examiners from supervisor*):

Pada (*Date*)

.....

Tandatangan Ketua Jabatan Akademik

(*Signature Head of Akademy Departmen*)

Tarikh (*Date*)

C. PENTADBIRAN (*ADMINISTRATION*)

Pengesahan pegawai (*Approval from officer*)

Semakan bayaran (*status payment*) -

Bil	Perkara	Kadar	No. Resit	Tanda tangan
1.	Pendaftaran	RM 100		
2.	Konvoquesyen	RM 2000		
3	Pengajian*			
	Jumlah		XXXXX	

.....

Nama dan Cop Rasmi *Name and Official Stamp*

Tarikh (*Date*)

D Perakuan oleh Ketua Jabatan Akademi - *Acknowledged by Head of Akademy Departmen*

Saya mengesahkan bahawa pelajar telah menyerahkan 3 salinan tesis untuk pemeriksaan. *I confirm that the above candidate has submitted three (3) copies of this thesis for examination.*

.....

Tandatangan : Signature

.....

Nama dan Cop Rasmi *Name and Official Stamp*

Tarikh (*Date*)



Lampiran 2

BORANG PENILAIAN KENDIRI

ARAHAN:

1. Pemohon hendaklah membuat perbandingan di antara kerja yang dilaksanakan atau pengalaman yang dimiliki dengan *Competency Unit (CU) & Work Activities (WA)*;
2. Tandakan (✓) bagi *Competency Unit (CU) & Work Activities (WA)* yang **TERAMPIL**;
3. Tandakan (x) bagi *Competency Unit (CU) & Work Activities (WA)* yang **TIDAK TERAMPIL**

PENILAIAN KENDIRI PROGRAM VTO

Nama Kursus :

Kod NOSS :

Bil.	No. dan Nama <i>Competency Unit</i>	No. dan Nama <i>Work Activities</i>	Evidence
1.	Martial Arts Activities	1. Manage teaching activities	
		2. Implement teaching policies	
		3. Evaluate subordinates work progress	
2.	Martial Arts Centre Management	1. Manage martial arts centre activities	
		2. Execute financial & accounting activities	
		3. Perform promotion & marketing activities	
		4. Maintain healthy & safe training environment	
3.	Martial Arts Event Management	1. Manage programmes of martial arts' sporting and artistic events	
		2. Organise promotional events activities	
		3. Develop promotional materials	
		4. Evaluate martial arts events activities	
4.	Martial Arts Centre Development	1. Perform business analysis	
		2. Develop new centre	
		3. Execute business strategy	
		4. Implement martial arts programmes activity	
		5. Perform benchmarking activity	
		6. Manage continuous improvement activity	
5.	Competition Team Management	1. Identify competition details	
		2. Manage team selection process	
		3. Manage team preparation and training activity	
		4. Implement combat/artistic competition activity	
		5. Evaluate competition performance	
6.		1. Perform physical protection presentation	



Bil.	No. dan Nama Competency Unit	No. dan Nama Work Activities	Evidence
	: Women's Self Defense	2. Perform martial arts technique for women 3. Identify aggressor's weak points	
7.	: Satellite School Martial Arts Implementation	1. Design school martial arts training programmes 2. Enforce health & safety regulations in schools 3. Establish Public Relations & Communication Activities	
8	Corporate Martial Arts Services ET-015	1. Identify specific corporate needs 2. Design of suitable and relevant corporate martial arts training programmes 3. Promote corporate martial arts training programmes 4. Execute corporate martial arts training programmes	
JUMLAH TERAMPIL (A)			
PERATUSAN KOMPETENSI			(A/26) x 100 =

KEPUTUSAN PENILAIAN KENDIRI (VTO):

Peratusan Kompetensi 100% (Tiada Jurang Kompetensi) – **Layak** mengemukakan permohonan

Peratusan Kompetensi 70% - 99% (Jurang Kompetensi Kurang Dari 30%) - Individu Perlu Memastikan Jurang Kompetensi Dipenuhi Dengan Mengikuti Kursus Atau Mendapatkan Pengalaman Kerja Dalam Kompetensi Berkenaan.

Peratusan Kompetensi kurang dari 70% (Jurang Kompetensi Lebih Daripada 30%) – **Tidak Layak** Mengemukakan Permohonan.

PERAKUAN PEMOHON

Adalah saya mengaku bahawa semua maklumat di dalam borang ini adalah benar dan saya bertanggungjawab terhadap maklumat berkenaan.

Saya faham, sekiranya saya tidak memenuhi mana-mana keperluan yang dinyatakan di atas, maka permohonan ini akan ditolak dan bayaran tidak akan dikembalikan

Nama Calon

No. Kad Pengenalan

Tandatangan :

Tarikh :



Rujukan

1. Universiti Pendidikan Sultan Idris (2023) - Buku Garis Panduan Penulisan Disertasi/tesis, Pusat Pengurusan Siswazah UPSI
2. Nor Wahiza Abdul Wahat Nor Haniza Abdul Wahat Mastura Mahamed (2020) Penulisan Tesis Fakulti, Pengajian Pendidikan UPM
3. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (2012) - Panduan Penulisan Tesis, Pusat Pengajian Siswazah UTHOM
4. Universiti Kebangsaan Malaysia (2015) - Panduan Penulisan Tesis Gaya UKM Pusat Siswazah UKM
5. Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia - JPK/PPT/1001/VTOEM PK (2)